

## Terus perkasa pendidikan keibubapaan

**Sungai Petani:** Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) akan terus memperkasakan pendidikan keibubapaan dalam kalangan bumiputera Pulau Pinang menerusi Program Mutiara Kasih, kata Pengerusi PERDA, Datuk Shabudin Yahaya.

FOTO: MOHD SYAFIQ RIDZUAN AMBAK



# TERKEJUT KAHWIN FREE

SERAMAI 271 pasangan pengantin berkumpul di luar dewan di Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, semalam.

### 271 pasangan masuk rekod kategori pengantin paling ramai

**Helmy Abd Rahman**
am@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu**

"Saya terkejut bila tahu dapat kahwin percuma, tetapi pada masa sama bersyukur isteri ambil inisiatif isi borang untuk sertai majlis perkahwinan perdana ini," kata Muhammad Amin Zainuddin, 24, seorang daripada peserta Keluarga Generasi TTB: Perkahwinan Perdana 2017.

Dia yang berasal dari Kerteh berkata, isterinya, Noraini Omar, 23, dari Rasau Ketipat, Dungun tidak memberitahunya mengenai rancangan menyertai program itu.

"Bila dapat tahu, saya tidaklah marah, cuma terkejut dan tak sangka dapat kahwin 'free' (percuma), tambahan pula kos perkahwinan sekarang ini amat mahal.

"Saya amat berterima kasih kepada kerajaan negeri yang menganjurkan program seperti ini. Jika tidak, paling awal tahun depan baru saya dapat berkahwin," katanya ketika ditemui pada program itu di Taman Tamadun Islam, di sini, semalam.

Pada majlis itu, 271 pasangan dari seluruh Terengganu memecahkan rekod *Malaysia Book of Records* bagi pengantin paling ramai dalam satu masa pada Majlis Pelancaran dan Resepsi Keluarga Generasi TTB: Perkahwinan Perdana 2017.

Program itu kali kedua dianjurkan dan mengatasi jumlah pengantin tahun lalu sebanyak 217 pasangan.

Bilangan peserta tahun ini meliputi 24 pasangan dari Besut, Setiu (25), Hulu Terengganu (23), Marang (39)., Kemaman (42), Dungun (48), Kuala Nerus (36) dan Kuala Terengganu (34).

**FAKTA**
Kerajaan negeri peruntuk RM2 juta biaya majlis perkahwinan 271 pasangan

Bagi menjayakan program berkenaan, kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM2 juta untuk membiayai kursus perkahwinan, penyediaan tempat dan perbelanjaan mengadakan majlis persandingan beramai-ramai selain penyediaan jurunikah.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, program itu hasil cetusan idea orang ramai dan dibentangkan kepada kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri mengambil inisiatif mengadakan majlis perkahwinan secara beramai-ramai bagi membantu rakyat untuk berumah tangga selaras dengan prinsip TTB (Transformasi Terengganu Baharu) iaitu Keluarga Bahagia.

"Kita sentiasa mengamalkan sifat inklusif dan mendengar seterusnya menerima cadangan rakyat Terengganu.

"Saya amat gembira kerana ramai mengucapkan terima kasih kepada saya secara peribadi, ada yang hantar WhatsApp kata jika kerajaan negeri tidak anjurkan majlis seperti ini, jawabnya terpaksa tunggu dua ke tiga tahun lagi baru dapat berumah tangga," katanya.



MUHAMMAD Amin bersama isteri, Noraini menunjukkan sijil perkahwinan mereka.



SEBAHAGIAN pasangan pengantin berarak dengan menaiki kereta perhiasan.